

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS

KEBANGSAAN KG. ACHEH, PEKAN PAHANG, UTM

PERAK DAN PROGRAM BAKTI SIRI 1 UTeM

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN  
KEBANGSAAN KG. ACHEH, PEKAN PAHANG, UTM  
12 MEI 2007 JAM 3.00 P.M.**

DENGAN ALHAMDULILLAH

ALHAMDULILLAH BERSEMOLEH DENGAN HADRAT ALLAH

ABDI AMALIANKU MELAKUKAN WIBEST DAN BAIK SEJAK TAHUN

SINT KERANA DENGAN LIMPAH JURUSANNA. MASA

Y B.DATO' HJ. ISMAIL BIN MOHD

WIBEST KESEMPATAN KEPADA ABDI MELAKUKAN

WIBEST DENGAN LINDANGAN NEGERO KERASAKAN DESEN

SEKOLAH MALAYSIA MELAKA PUTRAJAYA,

MENAWARKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAYA MEDIGAMER KESEMPATAN BAGI KUNCIK

TARAF KERASAKAN DESEN

BENGKISARAH RILIGAN TELEKOM YOUTH KERASAKAN

Y B.DATO' PHOKC DR. MINODIK KUNCIK

DAYA PENDIDIK EMAS KAAPUNG YANG

DEKAPITAL CEDAR, PELAZAR DAN ALAM

WIBEST KERANA BAGI MENCITTAK KEMERDUAN

YANG DIPERLUAKAN PADA KETUA MASYARAKAT.

WIBEST MAAHADILAH UTAM BAGI MELAKUKAN

**TEMPAT:**

**PADANG SEKOLAH KEBANGSAAN, KG. ACHEH**

**PEKAN PAHANG**

**TARIKH :**

**12 MEI 2007**

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS  
PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA SIRI 1 UTeM  
2007 BERTEMPAT DI PADANG SEKOLAH  
KEBANGSAAN KG ACHEH, PEKAN, PAHANG PADA  
12 MEI 2007 JAM 3.00 PETANG.**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Y.B DATO' HJ ISHAK BIN MOHD

AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN BEBAH

MEWAKILI YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG DIHORMATI KETUA-KETUA MASYARAKAT,

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PENDUDUK

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA  
HORMATI

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH  
SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA MAKAN  
DIBERI KESEMPATAN KEPADA KITA UNTUK  
BERKUMPUL BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS  
PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA UNIVERSITI  
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) INI.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK  
MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA  
SEMUA PENDUDUK ENAM KAMPUNG YANG  
TERLIBAT KERANA SUDI MENERIMA KUNJUNGAN  
MAHASISWA-MAHASISWI UTeM BAGI MENJAYAKAN  
PROGRAM BAKTI SISWA (BAKSIS)INI BERSAMA  
IAITU:

- |      |                         |   |
|------|-------------------------|---|
| I)   | KG TANJUNG MEDANG HILIR | HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI  |
| II)  | KG TANJUNG MEDANG HULU  |   |
| III) | KG ACHEH                |   |
| IV)  | KG TEMAI HILIR          | UTeM TELAH MENGANJURKAN PROGRAM ANAK  |
| V)   | KG TEMAI TENGAH         | ANGKAT BAKTI SISWAINI SEJAK DARI TAHUN 2003   |
| VII) | KG TEMAH HULU           | LAGI. IA TELAH DIADAKAN DI BANYAK TEMPAT IAITU<br>ANTARANYA DI NEGERI SEMBILAN, JOHOR,<br>KELANTAN DAN KINI DI NEGERI PAHANG. |

#### HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PROGRAM BAKTI SISWAINI MERUPAKAN YANG PERTAMA DIADAKAN SELEPAS PENJENAMAAN SEMULA NAMA UNIVERSITI PADA 01 FEBRUARI 2007. SEBELUMINI UTeM DIKENALI DENGAN NAMA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM). PADA KESEMPATANINI SAYA MENGAMBIL PELUANG UNTUK MEMAKLUMKAN NAMA UTeMINI BAGI MENGELAK SEBARANG KEKELIRUAN BERLAKU.

SEMEMANGNYA KAMI BERHASRAT UNTUK MENGADAKAN PROGRAM BAKTI SISWAINI DI SEMUA NEGERI TERMASUK SABAH DAN SARAWAK BAGI MENDEKATKAN DIRI ANTARA UTeM DENGAN MASYARAKAT MALAYSIA DAN INSYAALLAH IA AKAN DAPAT DILAKSANAKAN PADA SUATU HARI NANTI.

INI KERANA PROGRAM BAKTI SISWAINI TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI UTeM UNTUK MENJALINKAN

HUBUNGAN SILATURRAHIM DENGAN PENDUDUK DI SESEBUAH TEMPAT.

DENGAN ITU MAHASISWA-MAHASISWI UTeM DAPAT MENDEKATKAN DIRI SECARA FIZIKAL UNTUK BERINTERAKSI DENGAN PENDUDUK YANG TERDIRI DARI PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT DAN PERINGKAT USIA SAMA ADA MUDA ATAU TUA.INI AKAN DAPAT MENCAPAI MATLAMAT BAGI MEMBENTUK MAHASISWA UTeM YANG LEBIH MATANG, TERBUKA DAN DINAMIK.

UNTUK MAKLUMAN HADIRIN-HADIRAT SEMUA, PROGRAM HARI INI DISERTAI OLEH 60 ORANG PELAJAR UTeM YANG TERDIRI DARIPADA 32 LELAKI DAN 28 PEREMPUAN. DARIPADA JUMLAHINI 49 ORANG ADALAH KAUM MELAYU, 4 ORANG KAUM CINA DAN 7 ORANG KAUM INDIA. TERDAPAT JUGA SEORANG PELAJAR YANG BERASAL DARI SABAH DAN SEORANG DARI SARAWAK.

SEHUBUNGAN ITU PROGRAMINI ADALAH KESEMPATAN YANG BAIK KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI BAGI MENERAPKAN KEFAHAMAN KEPADA MEREKA TENTANG REALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG MAJMUK. PELUANGINI PERLU DIMANFAATKAN OLEH MEREKA UNTUK MENGENALI PERSAMAAN DAN PERBEZAAN BUDAYA YANG ADA.

SEBAGAI MAHASISWA, KITA PERLU BERFIKIRAN TERBUKA UNTUK MENERIMA SEBARANG PERBEZAAN BUDAYA YANG DIAMALKAN OLEH SESUATU KAUM ATAU TEMPAT. AKAN ADA MAHASISWA BANGSA CINA, INDIA DAN LAIN-LAIN YANG AKAN MENJADI ANAK ANGKAT KEPADA KELUARGA MELAYU ATAU SEBALIKNYA. AMBILAH KESEMPATANINI UNTUK MENGENALI KELUARGA ANGKAT MASING-MASING DAN KESELURUHAN KEHIDUPAN PENDUDUK KAMPUNG DI SINI.

HARAPAN SAYA, PROGRAM BAKTI SISWAINI DIHARAP DAPAT MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI YANG TIDAK DIPEROLEHI DAN DIPELAJARI SEMASA MENUNTUT ILMU DI DALAM BILIK KULIAH. HANYA DENGAN MELALUI PENGALAMAN YANG SEBEGINI SAUDARA-SAUDARI DAPAT MELALUI KEMANISAN KEHIDUPAN BERMASYARAKAT.

MASYARAKAT KAMPUNG YANG KUKUH DAN SARAT DENGAN AMALAN, ADAT DAN TRADISI SEPERTI HORMAT-MENGHORMATI, BERGOTONG-ROYONG, SALING TEGUR-MENEGUR, ZIARAH-MENZIARAH, BERMAAFAN DAN SENTIASA MEMENTING SEMANGAT PERSAUDARAAN ADALAH NILAI-NILAI MURNI YANG PERLU DITERAPKAN KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI UNIVERSITI SUPAYA MEREKA MEMPUNYAI KEPERIBADIAN YANG TINGGI.

DENGAN ITU MATLAMAT BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG SYUMUL SERTA BERILMU DAN

MENJADI ROLE MODEL KEPADA MASYARAKAT AKAN DAPAT DICAPAI MELALUI PENGALAMAN INI.

#### HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIKENDALIKAN SENDIRI OLEH PELAJAR UTeM DALAM BAKTI SISWAINI AKAN MEMBERI KEFAHAMAN KEPADA MEREKA UNTUK MENYELAMI KEPENTINGAN MENUNTUT ILMU DAN MENYUMBANG KEMBALI ILMUNYA KEPADA MASYARAKAT SEBAGAI SUATU TANGGUNGJAWAB YANG PERLU DIPIKUL BERSAMA.

ANTARA AKTIVITI PELAJAR YANG TELAH DIRANCANG PADA KALI INI IALAH:

- I) BENGKEL PENGENDALIAN KOMPUTER  
OLEH PELAJAR FAKULTI TEKNOLOGI  
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI,
- II) TUTORIAL BAHASA INGGERIS,  
MATEMATIK DAN SAINS UNTUK  
PELAJAR TAHUN 4, 5 DAN 6
- III) BENGKEL PENYELENGGARAAN  
MOTOSIKAL OLEH FAKULTI  
KEJURUTERAAN MEKANIKAL
- HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI  
UNTUK ITU SEKALI LAGI SAYA MENGAMBIL  
KESEMPATANINI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA  
KASIH KEPADA SEMUA PENDUDUK KAMPUNG  
KERANA SUDI MENERIMA KAMI MENGADAKAN  
PROGRAM BAKTI SISWAINI. BANTUAN, SOKONGAN  
DAN KERJASAMA DARI SEMUA PENDUDUK  
KAMPUNG AMAT KAMI HARGAI.

DI SAMPING ITU TERDAPAT JUGA AKTIVITI-AKTIVITI SOSIAL YANG DIADAKAN IAITU PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK ANTARA PELAJAR UTeM DENGAN PENDUDUK, CERAMAH ANTI DADAH DAN MASALAH SOSIAL, PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN DAN LAIN-LAIN LAGI.INI SEHARUSNYA DAPAT MENDEKAT DIRI MAHASISWA DENGAN MASYARAKAT KAMPUNG DI SINI.

PROGRAM YANG BERKONSEPKAN KELUARGA ANGKATINI SUDAH TENTU AKAN MELIBATKAN SECARA TERUS PELAJAR KAMI DENGAN KELUARGA ANGKAT MASING-MASING. KEPADA KELUARGA ANGKAT YANG SUDI MENERIMA ANAK DIDIK SAYAINI, TERLEBIH DAHULU SAYA MEMOHON MAAF SEKIRANYA AKAN ADA PERLAKUAN MEREKA YANG SALAH DAN TAK SENANG MATA MEMANDANG. MOHON-MOHONLAH AGAR DIMIAFKAN DAN DITEGUR. ANGGAPLAH

MEREKAINI SEBAGAI ANAK YANG SENTIASA  
DAHAGAKAN TEGURAN SEPERTI ANAK SENDIRI.

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA  
KASIH DI ATAS KERJASAMA SEMUA PIHAK YANG  
MENJAYAKAN PROGRAM BAKTI SISWAINI DAN  
SEMOGA PROGRAM YANG BERLANGSUNGINI  
BENAR-BENAR MEMBERI KEJAYAAN.

SEKIAN, TERIMA KASIH.